



PKPMP.PKHN.600-3/3/1

24 Mac 2022

Semua YA Hakim / Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi Malaya / Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak

Semua Hakim Mahkamah Sesyen
Mahkamah Sesyen di Seluruh Malaysia

Semua Timbalan Pendaftar / Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Persekutuan / Mahkamah Rayuan /
Mahkamah Tinggi Malaya / Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak

Semua Majistret
Mahkamah Majistret di Seluruh Malaysia

Semua Penolong Kanan Pendaftar / Penolong Pendaftar
Mahkamah Rendah di Seluruh Malaysia

**ARAHAN AMALAN KETUA HAKIM NEGARA
BILANGAN 2 TAHUN 2022
URUSAN DAN TATACARA PENGANTARAAN (MEDIASI) BAGI KES
DI MAHKAMAH TINGGI DAN MAHKAMAH RENDAH**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh Aturan 92 Kaedah 3B(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 [*P.U.(A) 205/2012*] (KKM 2012) dan selaras dengan Aturan 34 Kaedah 1A dan 1B KKM 2012 saya, setelah berunding dengan YAA Hakim Besar Mahkamah Tinggi Malaya dan YAA

Hakim Besar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak, mengeluarkan Arahan Amalan ini bagi menetapkan urusan dan tatacara pengantaraan (mediasi) bagi kes di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah seperti yang berikut:

PEMAKAIAN

2. Arahan Amalan ini terpakai bagi urusan dan tatacara mediasi dalam prosiding sivil di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah di seluruh Malaysia.

TAFSIRAN

3. Dalam Arahan Amalan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Mahkamah” merujuk kepada Mahkamah Tinggi Malaya, Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak, Mahkamah Sesyen atau Mahkamah Majistret, mengikut mana-mana yang berkenaan, di seluruh Malaysia;

“Hakim” ertinya mana-mana Hakim Mahkamah Tinggi, Pesuruhjaya Kehakiman atau mana-mana pegawai kehakiman;

“Institusi yang menyediakan perkhidmatan mediasi” merujuk kepada mana-mana institusi yang disenaraikan dalam **Lampiran A**.

“Pengantara Persendirian” merujuk kepada pengantara yang dilantik oleh pihak-pihak secara persendirian tanpa merujuk kepada Institusi yang menyediakan perkhidmatan mediasi di mana pengantara itu berdaftar.

“sistem e-Kehakiman” ertinya mana-mana aplikasi elektronik yang dibangunkan oleh Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan bagi urusan dan prosiding Mahkamah.

RUJUKAN KES KEPADA PROSES MEDIASI

i. Mediasi Bagi Kes Kemalangan Jalan Raya

4. Bagi kes kemalangan jalan raya, Mahkamah hendaklah mengarahkan kes dirujuk kepada proses mediasi sebelum perbicaraan ditetapkan. Tatacara bagi proses mediasi bagi kes Kemalangan Jalan Raya adalah sebagaimana dalam **Lampiran B**.

ii. Mediasi Bagi Kes Sivil

5. Bagi kes sivil, Mahkamah boleh merujuk pihak-pihak kepada proses mediasi sekiranya –

- (a) Hakim berpandangan bahawa kes tersebut boleh diselesaikan menerusi mediasi dan pihak-pihak bersetuju untuk merujuk kepada proses mediasi; atau

- (b) pihak-pihak memohon kepada Mahkamah untuk merujuk kepada proses mediasi.

6. Walau apa pun peruntukan dalam perenggan 5(a), Mahkamah boleh mengesyorkan kepada pihak-pihak untuk merujuk kepada *Judge-led mediation*.

7. Proses mediasi boleh dijalankan pada mana-mana peringkat prosiding yang berikut:

- (a) semasa pengurusan kes sebelum bicara;
- (b) semasa permohonan interlokutori;
- (c) sebelum perbicaraan penuh;
- (d) semasa perbicaraan penuh berjalan;
- (e) selepas perbicaraan penuh tetapi sebelum keputusan dibuat;
- (f) semasa peringkat rayuan; dan
- (g) apa-apa peringkat atau prosiding yang difikirkan patut.

JENIS MEDIASI

8. Bagi tujuan menjalankan proses mediasi, pihak-pihak boleh memilih salah satu daripada jenis mediasi yang berikut:

Bil.	Jenis Mediasi	Tatacara
(a)	Mediasi oleh Mahkamah (<i>Judge-led mediation</i>)	Sebagaimana di Lampiran C
(b)	Mediasi oleh Institusi yang menyediakan perkhidmatan mediasi	Sebagaimana di Lampiran D
(c)	Mediasi oleh Pengantara Persendirian yang dipersetujui oleh pihak-pihak	Sebagaimana di Lampiran E

PENGANTARA BAGI PROSES MEDIASI

9. Pengantara bagi *Judge-led mediation* adalah seperti yang berikut:

Bil.	Mahkamah	Pengantara
(a)	Mahkamah yang mempunyai Pusat Mediasi	Hakim yang dilantik sebagai pengantara
(b)	Mahkamah yang tidak mempunyai Pusat Mediasi tetapi mempunyai lebih daripada seorang Hakim	Hakim akan bertindak sebagai pengantara secara pertukaran kes (<i>case swapping</i>)
(c)	Mahkamah yang hanya mempunyai seorang Hakim sahaja	Hakim yang sama yang bertindak sebagai pengantara, dengan syarat bahawa kedua-dua pihak bersetuju.

Bil.	Mahkamah	Pengantara
		Jika kedua-dua pihak tidak bersetuju, mediasi akan dikendalikan oleh Hakim lain yang akan ditentukan oleh Ketua Pusat Mediasi di negeri berkenaan.

10. Proses mediasi oleh Institusi yang menyediakan perkhidmatan mediasi atau Pengantara Persendirian tidak boleh dikendalikan oleh mana-mana Hakim.

11. Semasa menjalankan proses mediasi, Pengantara hendaklah menjalankan fungsi yang berikut:

- (a) memudahkan rundingan antara pihak-pihak; dan
- (b) mencari penyelesaian kepada pertikaian antara pihak-pihak.

LOKASI PROSES MEDIASI

12. Proses mediasi boleh dijalankan di lokasi yang berikut:

Bil.	Jenis Mediasi	Lokasi Proses Mediasi
(a)	<i>Judge-led Mediation</i>	(i) Pusat Mediasi Mahkamah; atau (ii) mana-mana lokasi di dalam premis Mahkamah

Bil.	Jenis Mediasi	Lokasi Proses Mediasi
		sebagaimana yang ditetapkan oleh pengantara
(b)	Mediasi yang dikendalikan oleh Institusi yang menyediakan perkhidmatan mediasi / Mediasi oleh Pengantara Persendirian yang dipersetujui oleh pihak-pihak	(i) di mana-mana lokasi yang ditetapkan oleh pengantara; atau (ii) di mana-mana tempat yang dipersetujui oleh pihak-pihak; dan (iii) pihak-pihak tidak boleh menggunakan fasiliti Pusat Mediasi Mahkamah atau premis Mahkamah bagi menjalankan proses mediasi yang dikendalikan oleh pengantara luar.

13. Lokasi Pusat Mediasi Mahkamah sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 12(a)(i) adalah terletak di lokasi Mahkamah sepertimana yang ditetapkan oleh YAA Hakim Besar Malaya atau YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak, mengikut mana-mana yang berkenaan. Senarai Pusat Mediasi Mahkamah adalah sebagaimana dalam portal Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan yang boleh diakses melalui laman sesawang <https://www.kehakiman.gov.my/ms/hubungi-kami/senarai-pusat-mediasi-mahkamah>.

PEMAKLUMAN BERHUBUNG DENGAN STATUS DAN / ATAU KEPUTUSAN PROSES MEDIASI

14. Pihak-pihak hendaklah memaklumkan Mahkamah berhubung dengan status proses mediasi yang dijalankan. Bagi tujuan ini, satu tarikh pengurusan kes hendaklah ditetapkan dalam tempoh masa selewat-lewatnya satu bulan daripada tarikh kes tersebut dirujuk kepada proses mediasi.

15. Bagi proses mediasi yang telah selesai, pihak-pihak hendaklah memaklumkan kepada Mahkamah secepat yang mungkin atau selewat-lewatnya dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh proses mediasi selesai.

16. Selepas proses mediasi selesai, pihak-pihak hendaklah mematuhi tatacara yang berikut :

Bil.	Keputusan mediasi	Tindakan pihak-pihak
(a)	Mediasi berjaya	Pihak-pihak boleh – (i) merekodkan penghakiman persetujuan; (ii) merekodkan perjanjian penyelesaian; (iii) memfailkan Notis Pemberhentian.
(b)	Mediasi gagal	Pihak-pihak hendaklah mematuhi apa-apa arahan Mahkamah berhubung dengan pengendalian kes dalam prosiding asal.

KOS PENGENDALIAN MEDIASI

17. Kos bagi pengendalian proses mediasi adalah seperti yang berikut:

Bil.	Jenis Mediasi	Jumlah Kos
(a)	<i>Judge-led mediation</i>	Percuma
(b)	Mediasi oleh Institusi yang menyediakan perkhidmatan mediasi dan Pengantara Persendirian	Tertakluk kepada apa-apa jumlah kos yang ditetapkan oleh Institusi yang menyediakan perkhidmatan mediasi atau Pengantara Persendirian tersebut

KERAHSIAAN

18. Pihak-pihak hendaklah memastikan bahawa –

- (a) proses mediasi yang dijalankan merupakan proses tertutup yang hanya dihadiri oleh pihak-pihak yang terlibat atau wakil yang diberi kuasa bersama dengan peguam, sekiranya ada;
- (b) apa-apa pendedahan, pengakuan dan komunikasi yang dibuat semasa proses mediasi adalah rahsia dan tanpa prejudis;
- (c) semua komunikasi semasa proses mediasi tidak boleh dijadikan sebahagian daripada rekod prosiding; dan

- (d) mana-mana pihak tidak boleh memanggil pengantara untuk memberi keterangan berhubung dengan proses mediasi yang dijalankan baginya bagi prosiding tersebut.

PEMBATALAN

19. Arahan Amalan dan Surat yang berikut adalah dibatalkan:

- (a) Arahan Amalan Bil. 2 Tahun 2013 bertajuk “Proses Mediasi bagi Kes-Kes Kemalangan Jalan Raya di Mahkamah Majistret dan di Mahkamah Sesyen”;
- (b) Surat Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan bertajuk “Proses Mediasi Bagi Kes-Kes Kemalangan Jalanraya di Mahkamah Majistret dan di Mahkamah Sesyen yang dirujuk di dalam Arahan Amalan Ketua Pendaftar Bil 2 Tahun 2013” bertarikh 30 Januari 2013; dan
- (c) *Practice Direction No. 4 of 2016* bertajuk “*Practice Direction on Mediation*”.

KECUALIAN

20. Apa-apa tindakan atau prosiding yang telah bermula atau belum selesai sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Arahan Amalan ini hendaklah, selepas tarikh permulaan kuat kuasa Arahan Amalan ini,

diteruskan seolah-olah Arahan Amalan Bil. 2 Tahun 2013 dan *Practice Direction No. 4 of 2016* tidak dibatalkan.

TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA

21. Arahan Amalan ini mula berkuat kuasa pada **1 April 2022**.



TUN TENGKU MAIMUN BINTI TUAN MAT

Ketua Hakim Negara

Istana Kehakiman

Putrajaya

SALINAN KEPADA:

YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

YAA Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara
No. 45, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Rayuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Sabah & Sarawak
Kota Kinabalu
Sabah

Pendaftar
Mahkamah Rendah Malaya
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Rendah Sabah & Sarawak
Kota Kinabalu
Sabah

Pustakawan
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Yang Dipertua
Majlis Peguam Malaysia
Kuala Lumpur

Presiden
Sabah Law Society
Sabah

Presiden
Advocate Association of Sarawak
Sarawak

**SENARAI INSTITUSI YANG MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN
MEDIASI**

Bil.	Nama Institusi
1.	Asian International Arbitration Centre (AIAC)
2.	Malaysian Mediation Centre (MMC)
3.	Securities Industry Dispute Resolution Center (SIDREC)
4.	Mediation Centre Sabah, Sabah Law Society (MCS)
5.	AAS Mediation Services, Advocates Association of Sarawak (AMS)

TATACARA MEDIASI BAGI KES KEMALANGAN JALAN RAYA

1. Proses mediasi bagi kes kemalangan jalan raya dijalankan bagi menentukan isu liabiliti atau isu kuantum. Bagi tujuan tersebut, proses mediasi akan dijalankan selepas semua dokumen asas yang berikut difailkan menerusi sistem e-Kehakiman:

- (a) laporan awal perubatan;
- (b) rajah kasar kemalangan;
- (c) laporan polis oleh pihak-pihak;
- (d) gambar (sekiranya berkenaan); dan
- (e) dokumen lain yang berkaitan.

2. Bagi maksud perenggan 1, tarikh sebutan akan ditetapkan bagi semua kes kemalangan jalan raya berdasarkan kod yang berikut:

Mahkamah	Kod
Mahkamah Sesyen	Kod 53
Mahkamah Majistret	Kod 73

3. Selepas pliding ditutup, pihak-pihak akan dimaklumkan berhubung dengan penetapan tarikh bicara dan tarikh proses mediasi seperti yang berikut:

Bil.	Jenis Prosiding	Tempoh Penetapan Tarikh Bicara
(a)	Tarikh bicara bagi kes yang tidak memerlukan laporan pakar	Bulan ke empat hingga ke enam dari tarikh kes difailkan. Perbicaraan hendaklah dijalankan pada tarikh yang ditetapkan.
(b)	Tarikh bicara bagi kes yang memerlukan laporan pakar	Bulan ke enam hingga ke sebelas dari tarikh kes difailkan. Perbicaraan hendaklah dijalankan pada tarikh yang ditetapkan.

4. Tarikh proses mediasi hendaklah ditetapkan selewat-lewatnya satu (1) bulan selepas tarikh bicara ditetapkan untuk jenis prosiding di perenggan 3.

Pengantara bagi Proses Mediasi Kes Kemalangan Jalan Raya

5. Proses mediasi bagi kes kemalangan jalan raya boleh dijalankan oleh:

(a) Hakim Mahkamah Sesyen / Majistret; atau

- (b) Pengantara Persendirian yang dipersetujui oleh pihak-pihak mengikut tatacara dalam **Lampiran E**.

6. Bagi Mahkamah Sesyen atau Majistret yang hanya mempunyai seorang Hakim Mahkamah Sesyen / Majstret, Pengarah Mahkamah Negeri boleh mengarahkan mana-mana Pegawai Kehakiman dalam negeri tersebut sebagai pengantara kepada proses Mediasi tersebut, mengikut kesesuaian.

Proses Mediasi Selesai

7. Penghakiman akan direkodkan apabila pihak-pihak berjaya menyelesaikan kedua-dua isu liabiliti dan kuantum dalam proses mediasi.

8. Sekiranya hanya satu isu sahaja yang berjaya diselesaikan semasa proses mediasi, penghakiman akan direkodkan bagi isu yang berjaya diselesaikan sahaja manakala bagi isu yang tidak dapat dipersetujui semasa proses mediasi akan diputuskan menerusi perbicaraan.

9. Bagi kes kemalangan jalan raya yang masih belum menerima laporan pakar, pihak-pihak hendaklah menghadiri proses mediasi isu liabiliti terlebih dahulu. Proses mediasi bagi isu kuantum akan dijalankan setelah laporan pakar diperolehi.

10. Bagi maksud perenggan 8, pihak-pihak hendaklah memfailkan laporan pakar dalam tempoh tiga bulan dari tarikh pliding ditutup.

Sekiranya laporan pakar tidak dapat difailkan dalam tempoh masa yang ditetapkan –

- (a) prosiding perbicaraan akan dijalankan;
- (b) pihak-pihak boleh menarik balik prosiding dengan kebebasan untuk memfailkan semula setelah menerima laporan pakar berkenaan.

TATACARA PROSES MEDIASI OLEH *JUDGE-LED MEDIATION*

1. Pihak-pihak atau peguam hendaklah mengemukakan borang pendaftaran mediasi sebagaimana dalam Lampiran C-1 kepada –
 - (a) Pusat Mediasi Mahkamah; atau
 - (b) Mahkamah yang mengendalikan proses mediasi (bagi Mahkamah yang tidak mempunyai Pusat Mediasi),dalam tempoh tujuh (7) hari selepas Mahkamah mengesyorkan / pihak-pihak bersetuju untuk menjalankan proses mediasi menerusi *Judge-led mediation*.
2. Tarikh proses mediasi adalah ditetapkan sekurang-kurangnya dalam tempoh satu (1) bulan daripada tarikh proses mediasi didaftarkan. Notis pemakluman berhubung dengan tarikh, masa dan lokasi sesi proses mediasi akan dikemukakan menerusi e-mel / sistem e-Kehakiman.
3. Pada tarikh proses mediasi yang ditetapkan, pihak-pihak hendaklah menghadiri sesi mediasi di lokasi yang telah ditetapkan atau secara sidang video dan mengikut waktu sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 2 di atas.

Proses Mediasi Secara Sidang Video

4. Pusat Mediasi boleh menetapkan proses mediasi untuk dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh iaitu secara sidang video. Notis pemakluman berhubung kaedah proses secara sidang video akan dimaklumkan kepada pihak-pihak selewat-lewatnya satu minggu daripada tarikh proses mediasi yang ditetapkan.
5. Bagi tujuan untuk memastikan proses mediasi secara sidang video dapat dijalankan, pihak-pihak hendaklah memastikan pematuhan kepada perkara-perkara yang berikut:
 - (a) pihak-pihak memahami proses mediasi yang akan dijalankan secara sidang video;
 - (b) pihak-pihak mempunyai keupayaan untuk menghadiri proses mediasi secara sidang video; dan
 - (c) ketersediaan dan kualiti teknologi yang akan digunakan dengan mengambil kira perkakasan, perisian serta kelajuan capaian internet yang perlu disediakan.
6. Pada tarikh proses mediasi, pihak-pihak hendaklah memastikan pematuhan kepada perkara-perkara yang berikut:
 - (a) pihak-pihak yang menghadiri prosiding perbicaraan –
 - (i) telah menerima *link* prosiding daripada pihak Mahkamah;

- (ii) telah sedia log masuk selewat-lewatnya tiga puluh (30) minit sebelum prosiding dijalankan;
 - (iii) tidak menzahirkan butiran mengenai akses platform sidang video kepada pihak yang tidak berkaitan dengan prosiding kecuali dengan kebenaran Mahkamah. Mana-mana pihak yang menzahirkan butiran mengenai akses platform sidang video kepada pihak lain tanpa kebenaran, tidak akan diterima masuk ke dalam platform sidang video tersebut;
 - (iv) berada di bilik yang bebas daripada sebarang gangguan bising dengan pencahayaan yang terang semasa sidang video; dan
 - (v) mikrofon sentiasa dalam keadaan senyap (*mute*) kecuali semasa pihak-pihak tersebut ingin berkomunikasi dalam proses mediasi tersebut sahaja; dan
- (c) memaklumkan kepada Mahkamah apa-apa isu teknikal atau logistik yang berbangkit dan menjejaskan prosiding tersebut.
7. Sekiranya terdapat gangguan teknikal kepada platform sidang video melebihi daripada lima belas (15) minit, proses mediasi akan ditangguhkan dan tarikh baharu bagi proses mediasi akan ditetapkan.

8. Semasa pihak-pihak menghadiri proses mediasi secara sidang video, pihak-pihak hendaklah memastikan pematuhan kepada perkara-perkara yang berikut:

- (a) memperkenalkan pihak-pihak yang menghadiri proses mediasi melalui platform sidang video;
- (b) tidak membuat apa-apa *body and hand gesture* yang tidak sopan;
- (c) tidak makan dan minum;
- (d) berada di sesi sidang video sepanjang masa dan tidak meninggalkan proses mediasi selagi proses mediasi belum selesai melainkan dengan kebenaran pengantara;
- (e) merujuk kepada apa-apa dokumen yang digunakan semasa prosiding dijalankan melalui *share screen* dokumen oleh pihak-pihak;
- (f) tidak merekodkan prosiding menggunakan apa-apa jua peranti atau alat sepanjang prosiding berlangsung; dan
- (g) meninggalkan sidang video (*log out*) selepas pengantara meninggalkan proses mediasi secara sidang video.

Penangguhan Proses Mediasi

9. Pihak-pihak hendaklah memaklumkan kepada Mahkamah selewat-lewatnya tiga (3) hari sebelum tarikh bagi proses mediasi yang telah ditetapkan sekiranya berhasrat untuk menangguhkan sesi proses mediasi yang telah ditetapkan.

10. Sekiranya pihak-pihak gagal hadir tanpa sebarang alasan ke sesi proses mediasi yang telah ditetapkan, pengantara boleh merujuk kepada Mahkamah Bicara untuk membuat perintah mengenai kos ketidakhadiran tersebut.

BORANG PENDAFTARAN MEDIASI

Nombor Kes	
Nama Hakim / Pesuruhjaya Kehakiman / Pegawai Kehakiman	
Mahkamah Asal	
Tarikh Lapang Pihak- Pihak	
Tarikh Pengurusan Kes/Bicara	
Alamat E-Mel Plaintif	
Alamat E-Mel Defendan	
Alamat E-Mel Pihak Ketiga	

**TATACARA PROSES MEDIASI OLEH INSTITUSI YANG
MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN MEDIASI**

1. Bagi proses mediasi yang dirujuk kepada mana-mana Institusi yang menawarkan perkhidmatan mediasi, tatacara dalam Lampiran ini adalah terpakai.
2. Pihak-pihak atau peguam hendaklah memaklumkan kepada Institusi yang menawarkan perkhidmatan mediasi secara bertulis berhubung dengan persetujuan pihak-pihak untuk menjalankan proses mediasi oleh Institusi tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh Mahkamah membenarkan prosiding dirujuk kepada proses mediasi.
3. Semua urusan pendaftaran dan proses mediasi adalah dijalankan mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak Institusi tersebut.

Pengantara

4. Pihak-pihak boleh melantik –
 - (a) mana-mana pengantara yang berdaftar dengan Institusi yang menawarkan perkhidmatan mediasi bagi mengendalikan proses mediasi; dan

- (b) lebih daripada satu (1) orang pengantara untuk mengendalikan proses mediasi tersebut.
5. Pengantara yang dilantik boleh memilih untuk terikat atau tidak terikat dengan kod etika dan peraturan-peraturan mediasi yang ditetapkan oleh Institusi yang menawarkan perkhidmatan mediasi yang dipilih.

**TATACARA PROSES MEDIASI OLEH PENGANTARA
PERSENDIRIAN YANG DIPERSETUJUI OLEH PIHAK-PIHAK**

1. Pihak-pihak boleh memilih seorang atau lebih Pengantara Persendirian untuk mengendalikan proses mediasi bagi kes yang telah difailkan di Mahkamah.
2. Pihak-pihak atau peguam hendaklah memaklumkan kepada Pengantara Persendirian secara bertulis berhubung dengan persetujuan pihak-pihak untuk menjalankan proses mediasi dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh Mahkamah membenarkan prosiding dirujuk kepada proses mediasi.
3. Pengantara Persendirian yang dilantik hendaklah mematuhi kriteria-kriteria yang berikut:
 - (a) Pengantara Persendirian yang dilantik hendaklah dipersetujui oleh pihak-pihak; dan
 - (b) Pengantara Persendirian yang dilantik hendaklah –
 - (i) mempunyai kelayakan sebagai pengantara;
 - (ii) mempunyai pengetahuan khusus atau berpengalaman dalam mengendalikan proses mediasi; dan

- (iii) memenuhi syarat dan kelayakan yang ditetapkan oleh institusi yang berkaitan dengan pengantara tersebut sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Pengantara 2012 [Akta 749].

Proses Mediasi

- 4. Urusan dan pengendalian proses mediasi oleh Pengantara Persendirian hendaklah dijalankan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta 749.
- 5. Walau apa pun peruntukan perenggan 4 di atas, semasa mengendalikan proses mediasi, Pengantara Persendirian boleh memilih untuk mematuhi atau tidak mematuhi etika dan peraturan mediasi yang dikeluarkan oleh institusi mediasi di mana pengantara itu berdaftar.